



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM  
MENCARI MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI KUANTAN.**

**NORAIEN MANSOR**

**FPP 1999 37**

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM  
MENCARI MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI KUANTAN.**

**Oleh  
NORAIEN MANSOR**

**Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
untuk Ijazah Master Sains.**

**April 1999**



## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Allah dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini telah berjaya disempurnakan sepenuhnya dalam jangka waktu yang ditentukan.

Melalui kesempatan ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi utusan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Naim Haji Ahmad yang telah banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar tanpa jemu dan penuh kesabaran sehingga terhasilnya kertas projek ini. Ucapan ini juga saya tujukan kepada Dr. Aida Suraya Hj. Md. Yunus dan semua tenaga akademik Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah memberi bimbingan serta ruang bagi saya untuk peningkatan ilmu khususnya bagi penghasilan kertas projek ini. Tidak lupa saya hulurkan ucapan ini kepada staf sokongan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini. Juga kepada Pengetua, Penolong Kanan dan guru-guru sekolah yang terlibat, terima kasih di atas bantuan serta kerjasama yang diberikan.

Kepada keluarga, setulus penghargaan yang tiada batasnya saya pohonkan di atas pengorbanan mereka. Hanya Allah akan memberi ganjaran berkat doa dan pengorbanan kalian.

Semoga kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan negara khususnya kepada peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran.

Noraien Mansor

April 1999



# KANDUNGAN

## Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vi
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	x

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Penyataan Masalah	4
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	7
Batasan Kajian	9
Definisi Istilah	10

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

Pengenalan	14
Pendidikan Masa Kini	15
Apa Dia Internet	18
Sejarah Internet	20
Internet dalam Pendidikan	22
Input Menerusi Internet	24
Keistimewaan Pembelajaran Melalui Internet	26
Batasan Pembelajaran Melalui Internet	29
Internet dan Sekolah Bestari	32



### **BAB 3**

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Pengenalan	35
Rekabentuk Kajian	35
Lokasi Kajian	36
Subjek Kajian	37
Instrumentasi	37
Kajian Rintis	41
Tatacara Pengumpulan Data	42
Analisis Data	42

### **BAB 4**

#### **LAPORAN DAPATAN KAJIAN**

Pendahuluan	43
Jantina	45
Pengalaman Menggunakan Komputer	46
Bilangan Program Komputer yang Diketahui	47
Pengalaman Menggunakan Internet	49
Akses Internet	50
Minat Terhadap Internet	51
Pengetahuan Mencari Maklumat dalam Internet	52
Cara Pengetahuan Internet Diperolehi	53
Pengalaman Menggunakan Internet	54
Tumpuan Maklumat dalam Internet	55
Tujuan Menggunakan Internet	57
Tahap Pengetahuan Internet Pelajar dalam Mencari Maklumat	59
Tahap Penggunaan Internet Pelajar dalam Mencari Maklumat	62
Pandangan Terhadap Internet	64
Masalah Penggunaan Internet	66
Cadangan Mempertingkatkan Penggunaan Internet	68



## **BAB 5**

### **RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN**

Pendahuluan	70
Rumusan Dapatan Kajian	70
Perbincangan Dapatan Kajian	72
Cadangan	76
Penutup	81

### **BIBLIOGRAFI** 82

- LAMPIRAN 1: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- LAMPIRAN 2: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan dari  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- LAMPIRAN 3: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan dari Jabatan  
Pendidikan Negeri Pahang
- LAMPIRAN 4: Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan di SMK Tg  
Panglima Perang Tg Muhamad,
- LAMPIRAN 5: Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan di SM Teknik  
1, Kuantan, Pahang
- LAMPIRAN 6: Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan di SM Teknik  
Seri Pelindung,
- LAMPIRAN 7: Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan di SM  
Perempuan Methodist, Kuantan,
- LAMPIRAN 8: Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan di SMK  
Abdul Rahman Talib ,

## SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1	
Latar belakang responden berdasarkan jantina	45
Jadual 2	
Taburan pengalaman responden menggunakan komputer	46
Jadual 3	
Bilangan program komputer yang diketahui	47
Jadual 4	
Pengalaman responden menggunakan Internet	49
Jadual 5	
Cara responden memperolehi akses Internet	50
Jadual 6	
Minat responden terhadap Internet	51
Jadual 7	
Pengetahuan responden mencari maklumat dalam Internet	52
Jadual 8	
Cara responden memperolehi pengetahuan melalui Internet	53
Jadual 9	
Pengalaman menggunakan Internet	54
Jadual 10	
Tumpuan maklumat dalam Internet	55



Jadual 11	
Kekerapan mencari maklumat dalam Internet	56
Jadual 12	
Penggunaan e-mail di kalangan responden	57
Jadual 13	
Taburan tahap pengetahuan responden dalam mencari maklumat	58
Jadual 14	
Taburan tahap penggunaan responden dalam mencari maklumat	61
Jadual 15	
Pandangan responden terhadap Internet	63
Jadual 16	
Taburan masalah penggunaan Internet	66
Jadual 17	
Cadangan mempertingkatkan Internet	68





Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM  
MENCARI MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI KUANTAN.**

Oleh  
NORAIEN MANSOR  
APRIL 1999

Penyelia : Prof. Madya Dr. Naim Haji Ahmad  
Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

Pendidikan masa kini bertujuan menyediakan pelajar ke arah masyarakat bermaklumat selaras dengan visi negara untuk menjadi tunggak dalam perkembangan teknologi maklumat di alaf baru. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meninjau sejauh manakah tahap pengetahuan dan penggunaan Internet dalam mencari maklumat serta tumpuan pencarian maklumat. Seramai 100 orang pelajar tingkatan 4 di lima buah sekolah menengah di Kuantan terlibat dalam kajian yang memerlukan mereka menjawab soal selidik yang ditadbirkan kepada mereka. Kajian yang dijalankan berbentuk kajian deskriptif dan penganalisan data telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS 7.5 dan dibentangkan dalam bentuk peratus dan frekuensi.

Hasil kajian menunjukkan kesemua pelajar yang terlibat mempunyai pengalaman mengakses Internet tetapi tumpuan mencari maklumat mempunyai peratusan yang tinggi dalam beberapa bidang tertentu yakni hiburan, permainan, pendidikan, berita, sukan, diskusi, komunikasi dan e-mail. Justeru itu, mereka



mempunyai tahap pengetahuan dan penggunaan Internet yang tinggi iaitu pada tahap 'mahir' dan 'sangat mahir' dalam bidang-bidang tersebut berbanding dengan bidang-bidang lain yang mereka kurang mahir iaitu perniagaan, kesihatan, pelancongan, pengiklanan dan membeli-belah melalui Internet. Di samping itu juga, kajian ini menyaksikan pandangan positif pelajar terhadap Internet, kekangan yang mereka hadapi serta cadangan yang diutarakan untuk mempertingkatkan penggunaan Internet.

Penyelidik mencadangkan agar kajian yang lebih mendalam berhubung tahap pengetahuan dan penggunaan Internet dikalangan guru pula dilaksanakan untuk mempertingkatkan proses pembelajaran dan pengajaran serta keberkesanan penggunaan Internet dalam pendidikan. Kajian-kajian seperti ini diharapkan dapat dimanfaatkan demi kepentingan kecemerlangan pendidikan di alaf baru.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment for the requirements for the Degree of Master of Science.

**THE LEVEL OF KNOWLEDGE AND UTILISATION OF INTERNET IN  
SEARCHING FOR INFORMATION AMONG FORM 4 SECONDARY  
SCHOOL STUDENTS IN KUANTAN DISTRICT.**

By

NORAIEN MANSOR

APRIL 1999

Supervisor : Prof. Madya Dr. Naim Haji Ahmad  
Faculty : Faculty of Educational Studies  
Universiti Putra Malaysia

Education today is aimed towards preparing students for an Information Society parallel with the country's vision to govern the development of information technology in the next millenium. Therefore, this research is aimed to survey the level of knowledge and utilisation of Internet in searching for information and the information focused among the form four secondary school students in Kuantan. Questionnaires were administered to 100 respondents involved. A descriptive method is used and the data analysed are tabulated in the form of frequencies and percentage.

The findings of this research show that all respondents had experience in accessing Internet but a high percentage was portrayed in searching information in certain areas such as entertainment, games, education, news, sports, discussion, on-line communication and e-mail. Consequently, these areas possessed a highly skilful level of knowledge and utilisation of Internet. In contrast, respondents are



less competent in areas such as business, health, tourism, advertisement and shopping through the Internet.

Furthermore, the research carried out projected students' positive perception towards Internet, constraints encountered and suggestions proposed to enhance the Internet utilisation. It is recommended that research should be delved further on level of knowledge and utilisation of Internet among teachers and the effectiveness of Internet in education. In addition, it could be a rewarding for an excellent education in the next millenium.



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Ketibaan era maklumat merupakan arah aliran dunia sejagat . Sesiapa yang dapat menguasai teknologi maklumat, merekalah yang akan memperolehi kelebihan dalam persaingan. Oleh itu, teknologi maklumat dan industri multimedia semestinya menjadi sektor yang perlu diperkembangkan oleh Kerajaan Malaysia. Visi Kerajaan Malaysia kini ialah untuk menjadi tunggak dalam perkembangan teknologi maklumat bukan saja di rantau ini tetapi di seluruh dunia. Selaras dengan tujuan ini, Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengemudi negara memasuki era digital menerusi inisiatif ulung Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merupakan strategi Malaysia untuk membawa negara ke era maklumat dalam kita menuju ke abad ke 20.

Sehubungan dengan ini, teknologi maklumat merupakan bidang yang harus diterokai dan dipelajari oleh guru-guru dan pelajar jika mereka ingin maju selaras dengan kewujudan Koridor Raya Multimedia. Ini telah ditegaskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim (1997):

*“...para pendidik dan pelajar tidak harus melupakan bidang teknologi maklumat walaupun apa bidang pendidikan yang diambil. Ini termasuklah bidang multimedia dan penggunaan internet selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia.”*

Penyataan ini menjelaskan betapa pentingnya pendidik dan pelajar mengharungi arus perubahan teknologi masa kini yang merangkumi teknologi maklumat, multimedia dan penggunaan Internet sejajar dengan kehendak negara. Pendidikan masa kini perlu menyediakan pelajar yang lebih bertanggungjawab untuk mengendalikan pembelajaran mereka sendiri. Pelajar perlu mahir mengendalikan peralatan teknologi untuk meraih pengetahuan menerusi maklumat yang boleh diperolehi daripada Internet. Pelajar juga boleh menyertai mana-mana program pembelajaran menerusi Internet tanpa arahan daripada guru. Adalah sukar bagi kita untuk menyediakan pelajar dengan situasi pembelajaran yang menjurus kepada pembelajaran sendiri. Namun demikian, untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi untuk maju ke arah Wawasan 2020, perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Khalid Yunus (1998) menegaskan:

*“ Sebagaimana yang kita semua maklum, kerajaan telah memberi penekanan yang serius ke atas pembangunan teknologi bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.”*

Jelasnya, penggunaan teknologi maklumat akan menjadi amalan serta budaya institusi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di alaf baru demi untuk kecemerlangan pendidikan di masa hadapan.

Program pendidikan yang berkesan memerlukan pelajar yang mampu merekacipta, melakukan penemuan, menyelesaikan masalah dan mencipta dengan menggunakan pelbagai alat, mesin, sistem komputer, bahan-bahan, proses dan sistem teknologikal. Justeru itu, Internet merupakan salah satu daripada sumber

pembelajaran yang terpenting bagi pelajar. Internet akan menjadi pelantar untuk penyampaian bahan-bahan elektronik yang berada di dalam pangkalan data di Kementerian Pendidikan khususnya dan di seluruh dunia amnya. Internet mempunyai potensi yang hebat untuk guru dan pelajar. Ia adalah sumber maklumat. Dengan adanya sumber "online" sesiapa sahaja boleh memperoleh data, perkhidmatan dan idea serta mampu mencari pelbagai pengetahuan dengan mendalam dan menyeluruh.

Selain daripada itu, Internet juga membolehkan penerbitan dilakukan oleh sesiapa sahaja. Siri data boleh diasingkan, disusun menjadi satu persembahan yang bermakna, kemudian berkomunikasi tentang pengetahuan tersebut. Kesemuanya dapat memberi motivasi dan meningkatkan pembelajaran. Menurut Andy Carvin (1996):

*“... the Internet becomes an incredible tool for the construction of creative personal projects, both for school and for recreation.”*

Berdasarkan kenyataan ini, Internet sudah pasti dapat melahirkan generasi pelajar yang kreatif kerana ia dapat membantu menggerakkan minda pelajar untuk terus melibatkan diri dalam merekacipta dan juga membantu pelajar melibatkan diri dalam bidang yang lebih terbuka daripada teknik tradisi bilik darjah.

Internet tidak lagi terhad kepada pakar teknikal atau individu yang pandai komputer sahaja. Sesiapa sahaja yang ada laluan komputer boleh menggunakan internet. Internet akan terus berubah dan berevolusi. Teknologi baru akan terus muncul dan menyebabkan sesetengah teknologi sekarang menjadi usang. Walaupun

internet berada pada tahap perkembangan awal, inilah masanya untuk menerokai dan menjelajahi maklumat yang begitu banyak yang di dapati daripadanya.

Pertumbuhan internet yang pesat telah mewujudkan cara baru untuk berkomunikasi. Popularitinya dicerminkan oleh pelbagai media yang kita gunakan hari ini. Oleh kerana internet semakin bertambah popular, ia akan menjadi sebahagian daripada hidup manusia. Kecanggihan dan ekspedisi internet menjanjikan kehebatan masa kini dan masa depan, terutama dalam bidang pendidikan. Jelas, Internet memang tidak boleh diabaikan kerana ia sudah pasti menjadi sebahagian daripada kebudayaan kita.

### **Penyataan Masalah**

Pendidikan masa kini bertujuan menyediakan pelajar ke arah masyarakat bermaklumat dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Merujuk kepada Rancangan Pelaksanaan Sekolah Bestari Malaysia (Malaysian Smart School Implementation Plan 1997), pembelajaran akan berubah dari penerimaan maklumat kepada pencarian maklumat yang relevan. Dalam Seminar Sekolah Bestari yang diadakan pada 3 Februari 1997, Menteri Pendidikan telah menyuarakan agar sistem pendidikan di Malaysia melahirkan pekerja ilmu menerusi konsep Sekolah Bestari yang akan dilaksanakan kerana:

*“... dengan budaya yang baru ini, mereka kini terlatih untuk menjadi pekerja ilmu ( knowledge worker ) yang secara berterusan akan mencari, mengemaskini dan menjana ilmu. Hanya dengan cara inilah mereka akan mampu menjadi penyumbang ilmu sebagaimana diharapkan.”*



Hakikat inilah menyebabkan industri pendidikan perlu menjurus kepada memperkembangkan kemahiran berfikir agar generasi akan datang lahir sebagai insan bestari yang mampu memproses dan memanipulasi maklumat, menganalisis situasi baru, menyelesaikan masalah serta bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat.

Generasi pekerja ilmu hanya akan berjaya dibentuk jika pelbagai usaha dilakukan dalam sistem pendidikan hari ini. Justeru itu, Internet merupakan sumber multimedia yang terbaik ke arah kecemerlangan dalam pendidikan. Penyelidikan terkini juga menunjukkan bahawa bahan dan aktiviti pembelajaran berasaskan Internet dapat membantu pembelajaran pelajar (Holte,1994). Internet ialah suatu cara untuk melibatkan pelajar dalam bidang yang lebih terbuka daripada teknik tradisi di bilik darjah. Internet memberi peluang kepada pelajar mencapai maklumat di luar bilik darjah dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti profesional dan komuniti. Cabaran Internet, bukan hanya membuat sesuatu tetapi melakukan sesuatu dengan bermakna dan berguna. Melalui Internet juga, manusia boleh membina aplikasi dan bahan dalam bentuk-bentuk yang baru. Ia menyediakan peluang untuk mengembangkan pengetahuan malahan menukar cara manusia membaca, berfikir dan belajar. Internet tidak boleh diabaikan, ia sudah pasti menjadi sebahagian daripada kebudayaan kita.

Institusi pendidikan perlu peka dengan perubahan yang berlaku dalam dunia masa kini. Seajar dengan wawasan negara yang inginkan masyarakat yang bermaklumat (knowledge-based society), sistem pendidikan haruslah bergerak

seiring dengan kemajuan teknologi maklumat sekarang ini. Pelajar-pelajar harus memiliki kemahiran mengguna dan mengeksploitasikan maklumat bagi pembangunan sumber manusia di masa akan datang (Tg. Azzman, 1991). Internet ialah sumber bahan yang kaya di mana pelajar-pelajar boleh menggunakannya untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pembelajaran. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Burhanuddin dan Ooi Chooi Seng (1998) mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah untuk membuat pilihan ketika mencari maklumat oleh kerana gambaran di hadapan mereka bercampur aduk serta maklumatnya bercelaru. Oleh kerana itu ia memberi kesan kepada pemilihan. Tambahan pula, menurut Dato' Haji Zulkarnain Ab. Rahman dalam mesejnya kepada Persatuan Teknologi Pendidikan di Konvensyen Teknologi Pendidikan 1998, kemahiran meneroka, mencari dan menggunakan maklumat mestilah diberi panduan dan tunjuk ajar agar matlamat bagi menjana minda pelajar ke arah pemikiran kritis dan kreatif dapat dicapai. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau sejauh manakah tahap pengetahuan dan penggunaan Internet dalam mencari maklumat di kalangan pelajar Tingkatan 4.

### **Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana tahap pengetahuan Internet dalam mencari maklumat di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan sejauh mana penggunaannya. Tinjauan ini memberi fokus kepada pengetahuan Internet pelajar yakni bentuk-bentuk maklumat yang menjadi tumpuan pelajar serta penggunaan Internet dalam mencari maklumat bagi tujuan meningkatkan kemahiran asas dalam proses pembelajaran.

## **Soalan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan kajian, lima soalan kajian utama dibentuk iaitu:

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan Internet di kalangan pelajar dalam mencari maklumat?
2. Sejauh manakah tahap penggunaan Internet di kalangan pelajar dalam mencari maklumat?
3. Apakah bentuk-bentuk maklumat daripada Internet yang menjadi tumpuan pelajar?
4. Apakah kekangan yang dihadapi dalam penggunaan Internet?
5. Apakah cadangan pelajar untuk mempertingkatkan penggunaan Internet.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat memanfaatkan beberapa pihak yang terlibat secara langsung dalam meneruskan pelaksanaan pendidikan negara. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, guru dan pelajar. Mereka memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan masa kini bagi melahirkan pelajar yang bakal menjadi tenaga pakar teknologi maklumat dan multimedia yang diperlukan oleh kerajaan untuk menjayakan Sekolah Bestari dan seterusnya Koridor Raya Multimedia.

Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Daerah meningkatkan penyediaan akses Internet ke sekolah-sekolah di seluruh negara

kerana Internet memainkan peranan yang sangat besar dalam bidang pendidikan. mampu meningkatkan minat serta mengangkat kemampuan dan kecemerlangan para pelajar dalam pelajaran dan pembelajaran mereka.

Hasil penyelidikan ini akan dapat memberi maklumat tentang kebaikan, keburukan dan kekangan yang boleh dijadikan garis panduan dan cadangan-cadangan untuk menganjurkan latihan penggunaan Internet di kalangan pelajar dan juga guru baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat negeri dan kebangsaan. Kajian ini juga dapat memanfaatkan pelajar sebagai pengguna untuk menilai dan memilih maklumat yang penting dan berfaedah menerusi penggunaan Internet yang dapat membantu meningkatkan minat dan keberkesanan pembelajaran mereka. Kajian ini juga jika disebarikan kepada pengetahuan guru, kesedaran kepada mereka tentang pentingnya penggunaan Internet sebagai bahan rujukan untuk pengajaran atau penyelidikan sebelum menyampaikannya kepada para pelajar di kelas mereka.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam meningkatkan lagi pengetahuan, Internet di kalangan pelajar-pelajar. Internet sangat penting memandangkan teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di negara ini dan merupakan satu komponen utama untuk berhadapan dengan cabaran penerokaan ilmu di alam siber.

Akhir sekali, kajian ini boleh menjadi perintis jalan bagi para penyelidik yang berminat membuat penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan dengan

Internet dan penggunaannya dalam pendidikan selaras dengan wawasan kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan teknologi maklumat sebagai satu unsur penting dalam mendidik para remaja untuk menjadi pewaris negara di zaman maklumat.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar-pelajar tingkatan lima di beberapa buah sekolah menengah di daerah Kuantan dalam Negeri Pahang. Hanya lima buah sekolah yang dipilih secara rawak daripada 13 buah sekolah menengah yang terdapat di daerah Kuantan. Oleh itu, ciri-ciri sekolah dan pelajar mungkin tidak mewakili ciri-ciri pelajar seluruh Malaysia. Sekolah-sekolah yang di kaji terletak di kawasan bandar dan adalah dijangkakan tahap penggunaan komputer serta Internet oleh pelajar-pelajar di sekolah ini adalah lebih tinggi dari pelajar-pelajar luar bandar di tempat lain. Ini adalah kerana Kuantan merupakan ibu negeri Pahang dan juga bandar yang sedang pesat membangun. Di bandar besar seperti ini sudah tentu di sekelilingnya terdapat banyak pusat-pusat latihan komputer dan kemudahan komputer serta perisiannya. Responden pula terdiri daripada mereka yang mempunyai latarbelakang keluarga dan status sosio ekonomi yang memuaskan yang mana dapat memberi peluang kepada mereka untuk memperoleh kemahiran dalam penggunaan komputer amnya dan Internet khususnya.

Kajian ini meninjau tahap pengetahuan dan penggunaan Internet di kalangan pelajar berdasarkan kepada instrumen kajian yang merangkumi maklumat tentang latarbelakang responden, pengetahuan tentang Internet, penggunaan

Internet, pandangan dan cadangan yang diusulkan untuk mengatasi konstrain yang dihadapi.

## **Definisi Istilah**

### ***Teknologi Maklumat***

Teknologi maklumat merupakan apa juga peralatan yang membolehkan pengguna menyimpan, menghubungkan, memproses, mencipta dan menyampaikan maklumat (Ismail Kailani dan Aziz Nordin, 1997).

Teknologi maklumat ialah proses mengelolakan data untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan langkah-langkah seperti mengumpul, menyimpan dan memproses serta akhirnya melaporkan maklumat tersebut. Kesemua langkah-langkah tersebut biasanya dilakukan dengan menggunakan komputer (Zoraini, 1993).

### ***Internet***

Internet ialah semua rangkaian komputer di seluruh dunia yang disambungkan dengan rangkaian yang lebih kecil dan bergerak lebih perlahan. Ia mempunyai amat banyak maklumat untuk dicapai oleh sesiapa sahaja dan ia menyediakan penghantaran maklumat serta merta ke seluruh dunia (Muhammad Razin Abdullah, 1998).

Internet atau "the Net" ialah rangkaian sistem komputer di seluruh dunia di mana pengguna boleh memperoleh maklumat atau berkomunikasi secara langsung dengan pengguna yang lain (Hafner & Lyon, 1996).

### ***Koridor Raya Multimedia***

Koridor Raya Multimedia (MSC) ialah satu rancangan pembangunan teknologi maklumat yang meliputi satu kawasan seluas 750 meter persegi dan akan memainkan peranan sebagai pusat pemangkin multimedia (Informatics, 1997).

### ***Tahap Pengetahuan***

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1989), tahap boleh didefinisikan sebagai peringkat atau tingkat. Jadi tahap pengetahuan bermaksud peringkat atau tingkat yang berhubungkait dengan perihal mengetahui sesuatu perkara. Dalam konteks tinjauan ini, ia bermaksud tahap pengetahuan Internet dalam mencari maklumat.

### ***Tahap Penggunaan***

Tahap penggunaan pula merujuk kepada peringkat atau tingkat yang berhubungkait dalam penggunaan sesuatu perkara. Dalam konteks tinjauan ini, ia bermaksud tahap penggunaan Internet dalam mencari maklumat.

## ***Multimedia***

Multimedia merupakan kategori sistem komunikasi interaktif yang berasaskan komputer yang dapat mencipta, menyimpan, menukar dan mendapatkan semula teks, grafik dan maklumat saluran audio (Gasyeski, 1993).

Multimedia juga adalah maklumat yang dipersembahkan dalam bentuk kombinasi teks, grafik, video, suara dan animasi (Zuraini Abdullah, 1993).

Multimedia ialah penyatuan bentuk-bentuk visual, teks dan bunyi dalam satu skrin dengan mengeksploitasikan unsur-unsur gerak bunyi, cahaya dan warna untuk sesuatu mesej. Ia merangsang indera penonton atau pelajar untuk berinteraksi sama ada secara emosi, fizikal atau kedua-duanya sekali. Rangsangan yang bertimbang baki inilah yang memungkinkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan, bergantung bagaimana strategi mesejnya direka bentuk (Naim Haji Ahmad, 1998).

## ***Sekolah Bestari***

Sekolah Bestari merujuk kepada sekolah yang memberi peluang teknologi maklumat interaktif memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta proses pengurusan (Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Nordin, 1997).



Gagasan Sekolah Bestari menjurus ke arah melahirkan individu yang berpengetahuan, berpemikiran kreatif dan penyayang menerusi kemudahan pengajaran yang lengkap dengan alat komunikasi moden (Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abd. Razak, 1997).

Sekolah Bestari merupakan sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi serta pelbagai alat teknologi pengajaran dan pembelajaran. Sekolah yang terpilih pada peringkat awal oleh Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan satu sistem pendidikan yang mementingkan kaedah penggunaan teknologi maklumat sebagai instrumen utama dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Razali Hassan, 1997).